

**KENYATAAN LELONGAN KENDERAAN TERPAKAI
NIKANIAGA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. TAHUN 2020**



NO. LELONGAN : NNTSB/MV/2020-02

1. Tawaran ini dipelawa kepada syarikat/orang perseorangan berstatus warganegara Malaysia yang berminat untuk **MEMBELI KENDERAAN TERPAKAI** yang telah dilupuskan di Pejabat **NIKANIAGA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.**
2. Senarai kenderaan tersebut adalah seperti berikut :-

BIL	JENIS KENDERAAN	NO PENDAFTARAN	TAHUN BELI	HARGA SIMPANAN (RM)	LOKASI KENDERAAN
1.	BAS NISSAN / JA452S	TBB 4878	2010	25,000.00	AMBS
2.	BAS SKS PERUSAHAAN SARA SDN.BHD / SKS E5-325H	TBK 4794	2013	120,000.00	AMBS
3.	BAS SKS PERUSAHAAN SARA SDN.BHD / SKS E5 - 325H	TBK 4795	2013	110,000.00	AMBS

3. Kenderaan tersebut boleh dilihat pada tarikh **1 Disember 2020** dan / hingga **14 Disember 2020** di alamat **Nikaniaga Travel & Tours Sdn. Bhd, Bandar Al-Muktafi Billah Shah, 23400 Dungun, Terengganu** di antara jam **9.00 Pagi – 3.00 Petang** dan berhubung dengan **Encik Mohd Kamaruzaman bin Mohd Zain di talian 09-8223800.**
4. Tawaran hendaklah menggunakan borang tawaran yang boleh didapati di Pejabat **KETENGAH HOLDING SDN.BHD, Bandar AL-Muktafi Billah Shah.**
5. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang **ditanda No. Lelongan dan Perkara** dan dimasukkan ke dalam peti Lelongan di Pejabat Ketengah Holding Sdn. Bhd. atau dihantar melalui pos di alamat berikut:-

**Ketua Pegawai Eksekutif
Nikaniaga Travel & Tours Sdn. Bhd.**
Bangunan Ketengah Holding Sdn. Bhd,
Lot 70029, Jalan Sultan Sultan Zainal Abidin 3,
Bandar Al-Muktafi Billah Shah,
23400 Dungun Terengganu.
No. Tel : 09-8223800
(U.P : URUSETIA PELUPUSAN)


6. NIKANIAGA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. adalah tidak terikat menerima mana-mana borang lelongan yang diterima.
7. Syarat – syarat dan peraturan lelongan adalah sebagaimana berikut:
- i. Kenderaan tersebut akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
 - ii. Pembida dikehendaki membayar **Wang Amanah (Deposit) sebanyak 10% daripada harga tawaran** yang dibuat bagi sesebuah kenderaan.
 - iii. Bayaran deposit hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos** di atas nama **Nikaniaga Travel & Tours Sdn. Bhd.**
 - iv. Tawaran tanpa/kurang deposit lelongan **tidak akan dipertimbangkan.**
 - v. Semua kenderaan adalah sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as is where is basis).
 - vi. Pembida yang berjaya hendaklah membayar amaun penuh harga tawarannya dalam masa **dua (2) minggu** dari tarikh surat tawaran.
 - vii. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam masa **dua (2) minggu, Nikaniaga Travel & Tours Sdn. Bhd.** berhak membatalkan tawaran dengan apa-apa cara. Wang amanah (Deposit) tidak akan dikembalikan kepada pembida yang berjaya sekiranya pembida tersebut tidak menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan.
 - viii. Pembida yang berjaya dikehendaki mengambil dan mengeluarkan kenderaan tersebut dalam masa **satu (1) minggu** selepas bayaran penuh dibuat.
 - ix. Jika tidak, Nikaniaga Travel & Tours Sdn. Bhd. berhak untuk melupuskannya semula dan bayaran yang telah dibuat akan dilucuthak. Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum kenderaan tersebut boleh dikeluarkan daripada premis **NIKANIAGA TRAVEL & TOURS SDN.BHD. .**
 - x. Semua perbelanjaan bagi mengangkut dan mengeluarkan kenderaan adalah ditanggung oleh pembida sendiri.
 - xi. Pegawai dan Kakitangan NIKANIAGA TRAVEL & TOURS Sdn. Bhd. adalah **tidak dibenarkan** untuk menyertai lelongan ini.

8. Tawaran ini ditutup pada **hari Selasa 15 Disember 2020 jam 12.30 tengahari**. Tawaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,



(CHE WAN ABDILLAH BIN CHE WAN MAT AMIN)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Kumpulan KHSB

Tarikh : 22 November 2020

s.k

- Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KHSB
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Kumpulan KHSB
- Ketua Pegawai Eksekutif NNTTSB
- Jurutera Daerah JKR Kuala Terengganu
- Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kuala Terengganu
- Jurutera Daerah Jkr Hulu Terengganu
- Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Hulu Terengganu.
- Jurutera Daerah Jkr Marang
- Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Marang
- Jurutera Daerah Jkr Dungun
- Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Dungun
- Jurutera Daerah Jkr Kemaman
- Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kemaman
- Papan Kenyataan Ketengah Bandar Ambis
- Papan Kenyataan Ketengah Bandar Bukit Besi
- Papan Kenyataan Ketengah Bandar Ketengah Jaya
- Papan Kenyataan Ketengah Bandar Seri Bandi
- Papan Kenyataan Ketengah Bandar Ceneh